

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

PLG 419 - Kaedah Mengajar Perdagangan dan Perakaunan II

Masa : [2 jam]

Jawab TIGA soalan sahaja semuanya. Jawab SATU soalan sahaja dari Bahagian A.

BAHAGIAN A

1. [a] Jika anda berkehendakkan wang sejumlah \$10,000.00 pada masa 3 tahun dari sekarang, berapakah jumlah wang yang harus anda labur sekarang bersesuaian dengan kadar faedah 8% setahun. Dalam menyelesaikan masalah ini disediakan jadual seperti:

(7 markah)

n	7%	8%	9%
1	0.935	0.926	0.917
2	0.873	0.857	0.842
3	0.816	0.794	0.772
4	0.763	0.735	0.708
5	0.713	0.681	0.650

- [b] Bagaimana cara pengajaran "Nilai Masa Mata Wang" ini dijalankan bersesuaian dengan masalah yang dinyatakan di atas untuk memudahkan kefahaman pelajar.

(7 markah)

- [c] Bincangkan langkah-langkah "pemetaan konsep" di dalam tajuk di atas.

(10 markah)

- [d] Bincangkan faedah-faedah "pemetaan konsep".

(10 markah)

...2/-

- 2 -

ATAU

2. [a] Bincangkan maksud varians secara ringkas. Untuk memudahkan perbincangan beri contoh Varians Buruh Langsung.

(7 markah)

- [b] Bincangkan faedah yang didapati oleh pihak pengurus dengan mengetahui konsep varians ini.

(7 markah)

- [c] Bincangkan pendapat bahawa kemahiran konsep ini dapat disampaikan kepada pelajar secara "pemetaan konsep".

(10 markah)

- [d] Bincangkan faedah-faedah "pemetaan konsep" kepada pelajar-pelajar.

(10 markah)

...3/-

- 3 -

BAHAGIAN B

3. [a] Bincangkan "Dimensi Pembelajaran" dan "Peringkat-peringkat Belajar"

(11 markah)

- [b] Sebagai seorang guru mata pelajaran Perdagangan dan Perakaunan anda berharap pelajar-pelajar anda mencapai kemahiran belajar dari segi kuantiti dan kualitinya. Bincangkan.

(11 markah)

- [c] Pelajaran yang dipelajari pada masa yang terhad di sekolah berhubung dengan kemahiran yang akan dipelajari di masa yang akan datang. Bincangkan langkah-langkah bimbingan yang boleh anda berikan kepada pelajar anda agar daya ingatannya dapat dipertingkatkan.

(11 markah)

4. Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran perakaunan di bilik darjah guru berkehendakkan pelajar-pelajarnya "mahir belajar".

- [a] Apakah ciri-ciri yang boleh dikenalpasti bahawa pelajar-pelajar anda "mahir belajar".

(11 markah)

... 4/-

- 4 -

- [b] Kemukakan lima strategi yang anda fikirkan sesuai supaya pelajar-pelajar anda "mahir belajar".

(11 markah)

- [c] "Riegle's Interrogative Model" mensarankan diadakan soalan-soalan yang memerlukan berbagai-bagai penjelasan. Bincangkan model yang disarankan oleh Riegle itu. Berikan contoh-contoh untuk menguatkan hujah anda.

(11 markah)

5. [a] Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan ujian, pengukuran dan penilaian.

(11 markah)

- [b] Sebagai seorang guru perdagangan dan perakaunan anda dinasihatkan agar sentiasa mengadakan penilaian. Cuba nyatakan apakah sebenarnya tujuan anda mengadakan penilaian?

(11 markah)

- [c] Kurikulum Baru Sekolah Menengah selalu menyatakan penilaian formatif dan sumatif hendaklah diadakan dan ianya adalah sebahagian dari proses pembelajaran. Apakah maksud penilaian yang dinyatakan di atas?

(11 markah)

- oooOooo -